

MAKLUMAN PENTING!!!!!!

PELAKSANAAN KEPERLUAN **PENSIJILAN MyGAP** BAGI LADANG / PREMIS AKUAKULTUR YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI IMPORT / EKSPORT BERKUATKUASA PADA **1 JULAI 2022**

Bermula **1 JULAI 2022** setiap ladang / premis akuakultur (termasuk ladang ikan hiasan dan ladang CITES) yang menjalankan aktiviti import dan eksport atau membekalkan sumber akuakultur kepada pengilang ikan dan hasilan ikan tempatan untuk tujuan eksport adalah **WAJIB** mendapatkan pensijilan myGAP.

Tujuan pelaksanaan keperluan ini adalah bagi memastikan ladang / premis akuakultur yang membekalkan ikan / hasilan ikan kepada pengilang ikan dan hasilan ikan tempatan bagi tujuan eksport memenuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Standard Malaysia, *MS 1998:2017 – Good Aquaculture Practices (GAqP)- Aquaculture Farm General Guidelines (First Revision)* dan *MS 2467:2012 – Code of Practices for Seaweed Cultivation*. Pelaksanaan keperluan ini juga selaras dengan ketetapan di bawah *Article 2 : Perjanjian Sanitari dan Fitosanitari / Sanitary and Phytosanitary Measures (SPS Agreement)*, Pertubuhan Perdagangan Dunia / *World Trade Organisation (WTO)* yang secara jelas memerlukan setiap negara ahli WTO untuk mengambil langkah bagi kawalan yang perlu untuk memastikan perlindungan kepada kesihatan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Perikanan Malaysia memohon jasa baik pihak berkepentingan untuk mematuhi keperluan yang telah ditetapkan dan memberikan kerjasama penuh kepada Jabatan ke atas pelaksanaan keperluan ini.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Unit Biosekuriti Perikanan Negeri di Pejabat Perikanan Negeri yang berdekatan.

Rujuk garis panduan dan tatacara permohonan pensijilan MyGAP <https://www.dof.gov.my/wp-content/uploads/2022/05/GARIS-PANDUAN-myGAP-SEKTOR-AKUAKULTUR.pdf>